

TARIKH: 7/7/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 15

Perkeso tanggung kos perubatan pemandu treler



SING CHUAN (dua kanan) menyampaikan replika cek kepada Nurul Amira (kiri) dan ibunya, Mariam (dua dari kiri) di Rumah Pangsa, Taman Megah, Pontian, semalam.

PONTIAN - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menanggung kos rawatan seorang pemandu treler yang dirawat di Hospital Universiti Kebangsaan Singapura mencecah RM100,000.

Keluarga Allahyarham Zainuddin Hairi menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Perkeso Negeri Johor telah menjelaskan bayaran rawatan dengan kadar segera.

Anak sulung Allahyarham, Nurul Amira Zainuddin, 26, berkata, tindakan pantas yang dibuat Perkeso amat dinanti ahli keluarga bagi elak sebarang masalah pada kemudian hari.

"Bayaran bil hospital mencecah \$S24,000 (RM91,200) akan dijelaskan oleh Perkeso memandangkan arwah bapanya membuat mencarum Perkeso sejak bekerja pada 1 Mac 2018 lalu.

"Kami sekeluarga lega dengan pengumuman yang dibuat oleh Perkeso dan berharap tiada lagi pihak yang menuntut bayaran selepas ini," katanya ketika ditemui pada program Ziarah Perkeso di Rumah Pangsa Taman Megah, di sini, semalam.

Pada majlis tersebut, Pengerah Perkeso Johor, Tong Sing Chuan menyerahkan faedah

pengurusan jenazah sebanyak RM2,000 dan RM538.23 faedah hilang upaya sementara kepada Nurul Amira.

Sementara pencen bulanan sebanyak RM1,557.70 akan diterima oleh penjaganya sehingga anak bongsu Allahyarham Zainuddin, Muhammad Aliff Daniel yang kini berusia 12 tahun mencapai umur 21 tahun.

Mengimbas kembali kejadian pada 26 Jun lalu, Allahyarham ketika melakukan kerja pemungahan barang, tiba-tiba diserang angin ahmar dan dibawa ke Hospital Singapura untuk rawatan sehingga kos cecah RM100,000.

Kosmo
MS 15/7/23